

BAB III

HUKUM PUSAKA KONVENSIONAL DI INDONESIA

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, hukum pusaka konvensional dimaksudkan dengan pelaksanaan hukum pusaka yang merujuk kepada selain daripada hukum faraid.¹ Masyarakat Indonesia yang terdiri daripada pelbagai suku dan agama merupakan salah satu penyebab adanya kepelbagaian sistem hukum, termasuklah hukum pusaka. Antara faktor lain juga adalah penjajahan Belanda. Bahkan sehingga saat ini, hukum-hukum itu masih lagi dipraktikkan sebagai Undang-undang Negara.² Hukum Pusaka Islam sendiri nampak hanya menjadi isu pemikiran, sehingga menimbulkan mazhab-mazhab baru. Sedangkan, Islam menekankan penerapan hukum pusaka secara praktikal dalam kehidupan masyarakat Muslim supaya tercipta keadilan dan kedamaian.

Dalam bab ini, Hukum pusaka Adat dari segi makna, asas-asas yang terdapat dalam hukum pusaka adat serta bentuk kekerabatan dan sistem keturunan yang dijadikan panduan dalam pembahagian harta pusaka akan diuraikan dengan terperinci.

¹ Konvensi ialah amalan, tingkah laku, ciri-ciri yang sudah diiktiraf dengan meluasnya, atau kebiasaan yang sudah diiktiraf dan diamalkan secara meluas. Merujuk kepada pentakrifan konvensi ini, maka konvensional ialah mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh konvensi. Lihat, Kamus Dewan, Edisi Ketiga (2002), Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, h. 704.

² Ketika kerajaan Belanda menjajah Indonesia, mereka telah melakukan kajian tentang hukum Islam, dan akhirnya mengumpulkannya ke dalam *Compendium Freijer*. Penguasa Belanda di masa itu menjadikan kompendium itu sebagai pegangan para hakim dalam menyelesaikan perkara-perkara di kalangan bumiputera, dan diberlakukan di tanah Jawa. Pada abad ke-19, para ahli hukum di Hindia Belanda telah mengakui dan menerima keberadaan hukum Islam. Pengakuan ini dikemukakan oleh Solomon Keyzer (1823-1868) dan Lodewijk Willem Christian van den Berg (1845-1927). Mereka mengatakan, bagi penduduk beragama Islam berlaku hukum Islam, demikian juga bagi pemeluk agama lain. Teori ini dikenal sebagai *receptioincomplex*. Lihat; Rifyal Ka'bah (t.t), *Sejarah Hukum Adat*. Jakarta: Gama Media, h. 2-3

Selain daripada itu, pengkaji juga akan membahas tentang pemikiran Hazairin dan Liberal yang berkembang di Indonesia, serta kompilasi Hukum Islam yang dijadikan panduan dalam membuat keputusan dalam pengadilan agama.

Di akhir bab pulam akan dihuraikan tentang hukum pusaka Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHPerdata), iaitu hukum pusaka yang digunakan oleh orang-orang bukan Islam.

3.2 Hukum Pusaka Adat

Perkataan ‘adat’ merupakan perkataan yang secara umum digunakan untuk menunjukkan adat resam, kebiasaan, dan praktik dalam masyarakat. Kemudian, istilah ini diperluas untuk merangkumi semua hal di mana suatu masyarakat atau seseorang menjadi terbiasa untuk melakukannya.³

Hukum pusaka adat merupakan hukum pusaka Indonesia yang tidak tertulis dalam bentuk perundangan, yang tidak terlepas daripada pengaruh unsur-unsur agama dan kebiasaan yang berlaku sejak turun-temurun dari zaman nenek moyang dahulu kala. Ianya meliputi asas, norma, keputusan dan ketetapan hukum yang berhubungkait dengan proses penerusan atau peralihan harta kekayaan dari generasi kepada generasi sesudahnya. Harta-harta tersebut, ada yang berbentuk benda atau boleh juga berupa hak dan kewajiban, dan ada yang dapat dibahagi-bahagikan dan tidak dapat dibahagi

³ Bushar Muhammad (1995), *Pokok-pokok hukum Adat*, Jakarta: Pradnya Pramita, h.1

penguasaan atau pemilikannya. Terjadinya penerusan harta kekayaan itu dapat berlaku ketika pewaris masih hidup atau setelah pewaris meninggal dunia.⁴

R. Soepomo berpendapat bahawa, *“Hukum Waris Adat memuat peraturan-peraturan yang mengatur proses meneruskan dan memindahkan barang-barang harta benda dan barang-barang yang tidak berwujud benda (immateriele goederen) dari suatu angkatan manusia (generatie) pada turunannya.”*⁵

Ter Haar menyatakan *“Hukum pusaka adat adalah aturan-aturan hukum mengenai cara bagaimana dari abad ke abad penerusan dan peralihan dari harta kekayaan yang berwujud dan tidak berwujud dari generasi kepada generasi.”*⁶

Bushar Muhammad menyatakan *“Hukum pusaka adat merupakan aturan-aturan hukum yang bertalian dengan proses penyelenggaraan pemindahandan peralihan kekayaan baik material atau immaterial dari suatu angkatan ke angkatan berikutnya”.*⁷

Hukum pusaka adat menurut Wirjono adalah cara penyelesaian hubungan hukum dalam masyarakat yang melahirkan sedikit banyak kesulitan sebagai akibat dari meninggalnya seorang manusia. Tetapi jika kita melihatnya dari sudut hukum adat maka pada kenyataannya sebelum pewaris meninggal dunia sudah dapat terjadi penerusan atau pertukaran harta kekayaan kepada ahli waris. Perbuatan penerusan atau pemindahan harta kekayaan dari waris kepada ahli waris sebelum pewaris wafat dapat terjadi dengan

⁴ *Ibid.*, h. 38.

⁵ R. Soepomo (1986), *Bab-bab Tentang Hukum Adat*, Jakarta: Pradnya Paramita, h. 79.

⁶ Hilman Hadi Kusuma (2003), *Hukum Waris Adat*, Bandung: PT Citra Aditya Bakti, h. 7.

⁷ Bushar Muhammad (1995), *op.cit.* h. 39.

cara penunjukan, penyerahan kekuasaan, atau penyerahan pemilikan atas bendanya oleh waris kepada ahli waris.⁸

Dengan Pengertian Hukum Pusaka adat di atas, dapat diambil kesimpulan bahwa Hukum Pusaka Adat mengandung beberapa unsur yaitu:

- a. Hukum pusaka adat merupakan aturan hukum.
- b. Aturan hukum tersebut merupakan proses peralihan harta pusaka.
- c. Harta yang diteruskan boleh berupa harta benda yang wujud mahupun yang tidak wujud.
- d. Penerusan atau pemindahan ini berlangsung antara generasi kepada generasi berikutnya.
- e. Cara penerusan dan pemindahan harta kekayaan itu dapat berlaku sejak pewaris masih hidup atau setelah pewaris meninggal dunia.

Berpandukan kepada butiran pancasila⁹ sebagai pandangan hidup bangsa Indonesia, hukum pusaka adat bangsa Indonesia bukan sahaja terdapat asas kerukunan dan asas kesamaan hak dalam masalah pusaka, tetapi juga terdapat asas-asas hukum yang lain:

⁸ Hilman Hadikusuma (2003), *op.cit*, h. 8.

⁹ Pancasila adalah merupakan rukun Negara Indonesia, ia terdiri daripada lima butir; 1. Ketuhanan Yang Maha Esa, 2. Kemanusiaan yang Adil dan Beradab, 3. Persatuan Indonesia, 4. Kerakyatan yang dipimpin oleh Hikmat Kebijaksanaan dalam Permusyawaratan/Perwakilan, 5. Keadilan Sosial Bagi Seluruh Rakyat Indonesia. Rumusan ini lahir setelah pengisytiharan kemerdekaan Indonesia melalui hasil mesyuarat tokoh-tokoh seperti; Ir. Soekarno, Dr. Mohammad Hatta, Mr. A. A. Maramis, Abikusno Tjokrosujoso,

- a. Asas ketuhanan dan pengendalian diri.
- b. Asas kesamaan hak dan kebersamaan hak.
- c. Asas mesyuarat dan muafakat.
- d. Asas kerukunan dan kekeluargaan.
- e. Asas keadilan.¹⁰

Asas-asas tersebut kebanyakan terlihat dalam masalah pusaka dan penyelesaian harta pusaka.

Masyarakat Indonesia yang menganut pelbagai jenis agama dan kepercayaan yang berbeza-beza mempunyai bentuk kekerabatan dengan sistem keturunan yang berbeza-beza. Sistem keturunan yang berbeza-beza ini dapat dikesan dalam sistem pusaka hukum adat. Jadi, dalam hukum pusaka adat, ada yang mengikut sistem *matrelinial*, sistem *patrilinial*, dan ada juga sistem *parental* atau *bilateral*.¹¹

Pertama, sistem *matrilinial*. Misalnya seperti di Minangkabau, di mana setiap orang akan menghubungkan dirinya kepada ibunya, seterusnya ke sebelah atas ibunya sampai kepada seseorang wanita yang dianggap sebagai moyangnya di mana ibunya berasal dan juga keturunannya.¹²

Abdulkahar Muzakkir, Hj. Agus Salim, Mr. Ahmad Subardjo, Wachid Hasjim, Mr. Muhammad Yamin. Yang kemudian mereka dikenali sebagai panitia sembilan yang menyelesaikan tugasnya merumuskan sumber hukum Negara pada 22 Jun 1945. Lihat; Idrus Affandi (1997), *Tata Negara*, Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, h. 57.

¹⁰ Hilman Hadikusuma (2003), *op.cit.*, h. 21.

¹¹ Eman Suparman (2007), *Hukum Waris Indonesia dalam Perspektif Islam, Adat, dan BW*, Bandung: PT Rafika Aditama, h. 5.

¹² Idris Romulyo (2004), *Perbandingan Hukum Kewarisan Islam dengan Kewarisan Kitab Undang-undang Hukum Perdata*, Jakarta: Sinar Grafika, h. 3.

Ada dua pandangan berhubung kedatangan pengaruh amalan pusaka *matrilinial*:

1. Pengaruh amalan pusaka *matrilinial* berasal dari India iaitu berasal daripada agama Hindu. Ia berasaskan kepada fakta sejarah di mana pada zaman dahulu kala, Nusantara dan Tanah Melayu berada di bawah kekuasaan seperti kerajaan Srivijaya, Majapahit, dan Palembang. Empayar Hindu yang berasal dari India telah membawa sebahagian daripada ajaran Hindu ke dalam masyarakat Melayu di Nusantara termasuklah dalam aspek pembahagian pusaka.
2. Sistem *matrilinial* adalah merupakan adat masyarakat Minangkabau. Sebelum kedatangan pengaruh Hindu, masyarakat Minangkabau yang terkenal dengan adat 'Pepateh' adalah merupakan masyarakat Eksogami yang sangat teguh menjaga adat berdasarkan kata perbilangan (stanza) "*Biar mati anak asal jangan mati adat*". Oleh itu, tidak mungkin mereka akan menerima pengaruh budaya luar untuk diamalkan dalam masyarakat mereka.¹³

Kedua, sistem *patrilinial* yang mana merupakan sistem yang menarik garis keturunan, di mana seseorang itu hanya menghubungkan dirinya kepada ayah kemudian ayah kepada ayahnya dan seterusnya, seperti yang terdapat di Batak, Gayo, Nias, Lampung, dan lain-lain.¹⁴

¹³ Jasni bin Sulong (2005), *Undang-undang Pusaka Islam: "Kajian terhadap pembaharuan undang-undang dan aplikasinya di Malaysia"* (Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 197.

¹⁴ Idris Ramulyo (2004), *op.cit*, h. 3.

Beberapa pandangan berhubung pengaruh awal sistem pusaka *patrilinial*:

1. Pandangan pertama menyatakan bahawa pengaruh ajaran Hindu telah merubah sistem *matrilinial* yang diamalkan oleh masyarakat Melayu menjadi *patrilinial*. Pandangan ini berasaskan ajaran Hindu yang mengamalkan sistem kasta dan dominasi lelaki ke atas wanita.
2. Pandangan kedua menyatakan bahawa konsep *patrilinial* ini adalah merupakan pengaruh daripada prinsip ‘senioriti’ dalam ajaran *Confucious* iaitu waris lelaki yang tertua akan mendapat bahagian pusaka yang lebih besar untuk menanggung nafkah dan menjaga kebajikan keluarga.
3. Pengaruh sistem *patrilinial* ini merupakan kesan kedatangan masyarakat India Muslim dari Malabar dan Bengala ke Melaka. Ini kerana, sistem *patrilinial* ini hampir selari dengan sistem pusaka Islam yang diamalkan di Malabar dan Bengala¹⁵.

Ketiga, sistem *bilateral* atau *parental*, iaitu sistem keturunan mengikut susur galur kedua ibu bapa, menjadikan kedudukan lelaki dan wanita tidak dibezakan dalam pusaka.¹⁶

Amalan pusaka *bilateral* atau *parental* ini merupakan pengaruh daripada amalan pusaka Syi’ah berikutan migrasi yang berlaku di antara masyarakat dari pelbagai wilayah. Antaranya adalah seperti amalan pusaka Pasumahdi Sumatra yang bermazhab Syi’ah. Ada juga yang mengatakan bahawa ia adalah kesan daripada amalan pusaka adat

¹⁵ Jasni bin Sulong (2005), *op.cit.*, h. 201.

¹⁶ Hilman Hadikusuma (2003), *op.cit.*, h. 23.

yang banyak menggunakan pertimbangan akal. Kesan pertimbangan akal ini menyebabkan masyarakat Melayu cenderung kepada prinsip *bilateral parental*. Harta pusaka dibahagikan sama rata antara lelaki dan perempuan. Antara aspek yang dipertimbangkan adalah fitrah dan sifat fizikal perempuan yang lebih lemah daripada lelaki, justeru mereka lebih berhak untuk dijaga dan dilindungi kebajikannya. Oleh sebab itu, wanita, balu dan anak-anak perempuan seringkali mendapat bahagian pusaka yang sama banyak atau lebih banyak supaya masa depan mereka akan lebih terjamin. Pembahagian seperti ini dilaksanakan melalui muafakat di kalangan waris-waris. Sesetengah penyelidik mengenalinya sebagai ‘adat kampung’.¹⁷


Dalam hukum adat, tidak ada peraturan yang selari, apatah lagi ketentuan-ketentuan tertentu. Pemahaman terhadap bentuk-bentuk masyarakat adat adalah pertalian kekeluargaan itu tidak bermakna bahawa sistem hukum pusaka adat untuk setiap bentuk kekeluargaan yang sama akan berlakunya sistem hukum pusaka adat yang sama. Hal ini disebabkan walau dalam sistem keturunan yang sama, masih terdapat perbezaan dalam bidang hukum yang lainnya.¹⁸

¹⁷ Jasni bin Sulong (2005), *op.cit.*, h. 203.

¹⁸ Misalnya perbezaan dalam hukum perkahwinannya. Seperti masyarakat adat Batak dan masyarakat adat Lampung sama-sama menganut system *patrilinial*, tetapi dikalangan orang Batak berlaku adat perkahwinan mengambil isteri dari satu sumber yang searah, sedangkan di kalangan orang Lampung berlaku adat perkahwinan mengambil isteri dari sumber yang bertukar. Dalam hal pewarisan, menurut adat Batak berlaku pembahagian harta pusaka menjadi milik perseorangan, sedangkan di Lampung berlaku sistem pewarisan *mayorat*. (Hilman Hadikusuma (2003), *op.cit.*, h. 24

Dalam hal harta pusaka, sistematika hukum pusaka adat dapat dikelaskan kepada harta yang tidak dapat dibahagi-bahagikan penguasaan dan pemilikannya kepada ahli waris dan harta yang dapat dibahagi-bahagikan.¹⁹

Carta: 3.1 Hukum Pusaka Adat



Adanya sistem harta yang tidak dapat dibahagi-bahagikan adalah kerana pengaruh fahaman perkauman, yang mengkehendaki bahawa harta benda yang ditinggalkan itu merupakan harta turun-temurun dan tidak mungkin dimiliki oleh seseorang kerana merupakan milik bersama²⁰. Sistem ini terbahagi kepada dua jenis:

¹⁹ Bushar Muhammad (1995), *op.cit.*, h 40.

²⁰ *Ibid.*, h. 41.

Pertama; pewarisan dengan sistem kolektif ialah harta peninggalan diteruskan dan dipindahkan pemilikannya daripada pewaris kepada ahli waris sebagai satu kesatuan yang tidak dibahagi-bahagikan penguasaan dan pemilikannya, melainkan setiap ahli waris berhak untuk mengusahakan, menggunakan atau mendapat hasil daripada harta peninggalan itu. Cara penggunaan untuk kepentingan dan keperluan ahli waris itu diatur bersama atas dasar mesyuarat dan muafakat semua anggota keluarga yang berhak ke atas harta peninggalan di bawah bimbingan ketua keluarga²¹.

Kebaikan daripada sistem kolektif ini jelas apabila fungsi harta kekayaan itu diperuntukkan untuk kelangsungan hidup keluarga besar tersebut untuk masa kini dan masa hadapan mereka. Mereka juga masih tetap berperanan untuk tolong menolong di antara satu dengan yang lain di bawah pimpinan ketua keluarga dan ia masih boleh dipelihara, dibina dan dikembangkan. Kelemahan sistem ini pula ialah ia dapat menimbulkan cara berfikir yang terlalu sempit dan kurang terbuka bagi orang luar. Di samping itu, oleh kerana tidak semestinya sesuatu keluarga itu akan terus mempunyai kepemimpinan yang bijak dan berterusan, dan juga aktiviti hidup yang semakin meluas bagi anggota keluarga tersebut, maka rasa setia kawan mungkin bertambah luntur.²²

Kedua; Sistem *mayorat*. Sebenarnya *mayorat* juga merupakan pewarisan kolektif, namun penerusan dan pemindahan hak penguasaan pada harta yang tidak terbahagi-bahagi itu diberikan kepada anak yang paling tua sekali sama ada lelaki ataupun perempuan, yang bertugas sebagai pemimpin rumah tangga menggantikan orang tuanya. Hal ini memberi kesimpulan bahawa anak yang paling tua yang akan

²¹ Hilman Hadikusuma (2003), *op.cit.*, h..26.

²² *Ibid.*, h. 27.

menggantikan orang tuanya, bukan sahaja dalam hal material dan juga pemilikan harta kekayaan, tetapi juga wajib untuk memelihara, memberi nafkah, menyekolahkan dan mendidik saudaranya yang lain.²³

Kelemahan dan kebaikan sitem pewarisan *mayorat* terletak pada kepemimpinan anak tertua dalam kedudukannya sebagai pengganti orang tua yang telah meninggal dalam mengurus harta kekayaan dan memanfaatkannya bagi kepentingan semua anggota keluarga yang ditinggalkan. Anak tertua yang penuh tanggungjawab akan dapat mempertahankan keutuhan dan kerukunan keluarga sehingga semua ahli waris menjadi dewasa, dan mereka mampu berdikari serta mengatur rumah tangga sendiri. Akan tetapi, anak tertua yang tidak bertanggungjawab dan tidak dapat mengendalikan diri terhadap kebendaan pula tidak akan dapat menguruskan harta kekayaan dengan baik.²⁴

Harta peninggalan adat yang dibahagi-bahagi pula adalah cara pewarisan di mana setiap ahli waris mendapatkan pembahagian untuk dapat memiliki dan menguasai harta peninggalan sesuai dengan hak masing-masing. Sistem ini di antaranya berlaku di kalangan masyarakat Jawa dan Sulawesi Selatan. Faktor yang mempengaruhi pembahagian pusaka dengan cara dibahagi-bahagi adalah disebabkan tidak adanya keinginan untuk menguasai harta peninggalan secara bersama-sama, disebabkan keadaan kehidupan ahli waris telah tersebar dan meluas.²⁵

²³ *Ibid.*, h. 28.

²⁴ *Ibid.*, h. 29.

²⁵ Bushar Muhammad (1995), *op.cit.*, h. 40.

Di antara kebaikan syitem pewarisan yang dibahagi-bahagikan adalah ahli waris dapat bebas memiliki dan memanfaatkan harta pusaka yang menjadi bahagiannya tanpa adanya pengaruh dan keterikatan daripada ahli waris yang lain. Hal ini akan nampak besar pengaruhnya bagi keluarga-keluarga yang telah maju dan moden di mana rasa kekerabatan sudah semakin berkurangan dan anggota kerabat sudah hidup berjauhan dari daerah asal. Kelemahan daripada sistem kewarisan ini adalah dapat terpecahnya harta pusaka dan merenggangnya hubungan kekeluargaan. Sistem ini juga dapat menjurus ke arah sifat individualisme dan materialisme.²⁶

Peraturan-peraturan hukum pusaka adat di beberapa daerah mendapat pengaruh daripada perubahan-perubahan sosial. Kecenderungan yang nyata di dalam perubahan-perubahan itu dilihat dari semakin eratnya hubungan keluarga dengan mengorbankan pertalian ikatan-ikatan di dalam perkauman. Perlu juga diperhatikan berkenaan masuknya pengaruh Barat atau hukum Islam, atau hukum agama lain (walaupun pengaruh itu sangat kecil), semuanya tidak terlepas daripada ikatan sosiologis yang tunduk kepada hukumnya sendiri.²⁷

Jika kita bandingkan hukum pusaka adat dengan hukum pusaka yang lain, maka akan nampak perbezaan-perbezaannya dalam hal harta pusaka dan cara-cara pembahagiannya.

1. Harta pusaka mengikut hukum pusaka adat bukan merupakan kesatuan yang dapat dinilai harganya, tetapi merupakan kesatuan yang tidak terbahagi atau

²⁶ Hilman Hadikusuma (2003), *op.cit.*, h. 25.

²⁷ Bushar Muhammad (1995), *op.cit.*, h. 40.

dapat terbagi mengikut jenis dan kepentingan para ahli warisnya. Harta pusaka adat tidak boleh dijual sebagai kesatuan dan wang hasil jualan itu juga tidak boleh dibahagi-bahagikan kepada para ahli waris, tidak sepertimana ketentuan yang berlaku dalam hukum pusaka Islam dan KUHP.

2. Hukum pusaka adat tidak mengenal kaedah '*legitime portie*' atau bahagian mutlak sebagaimana KUHP di mana para ahli waris telah ditentukan hak-haknya atas harta pusaka sebagaimana dalam fasal 913 KUHP atau dalam al-Qur'an.
3. Tidak adanya hak bagi ahli waris pada masa tertentu, menuntut agar harta pusaka dibahagikan kepada para ahli waris sebagaimana disebut dalam fasal 1066 KUHP,²⁸ atau juga mengikut hukum Islam. Akan tetapi, jika si ahli waris mempunyai kepentingan dan ia berhak mendapat harta pusaka, maka dia boleh mengemukakan permintaannya untuk dapat menggunakan harta pusaka dengan cara bermesyuarat dan bermufakat dengan ahli waris yang lain.²⁹

3.3 Mazhab Hazairin

Hazairin merupakan tokoh kontroversi dan seorang ahli hukum Islam dan hukum adat pertama dari kalangan putera Indonesia. Ia merupakan salah seorang nasionalis dan intelektual Muslim Indonesia yang berpendidikan Barat (Belanda). Nama lengkap

²⁸ Fasal 1066 KUHP "Tiada seorangpun yang mempunyai bahagian dalam harta peninggalan diwajibkan menerima berlangsungnya harta peninggalan itu dalam keadaan tidak terbagi. Pemisahan harta itu setiap masa dapat dituntut, biarpun ada larangan untuk melakukannya. Namun dapatlah diadakan persetujuan untuk selama suatu masa tertentu tidak melakukan pemisahan. Persetujuan yang demikian hanyalah mengikat untuk selama lima tahun, namun setelah lewatnya tempoh masa ini, dapatlah persetujuan itu diperbaharui."

²⁹ Hilman Hadikusuma (2003), *op.cit*, h. 10.

Hazairin adalah Prof. Dr. Hazairin Gelar Pangeran Alamsyah Harahap, SH. Gelaran terhormat akademiknya adalah “Profesor”, diberikan oleh Senat Universiti Indonesia atas prestasinya di kedua-dua bidang hukum yakni hukum Islam dan hukum Adat, dengan keahlian sebagai pensyarah kanan Hukum Adat dan Hukum Islam di Fakultas Hukum Universiti Indonesia. Penganugerahan Profesor diberikan kepada beliau pada tahun 1952 M., manakala gelaran “Pangeran Alamsyah Harahap” diberikan atas jasanya yang mengambil berat terhadap adat istiadat Tapanuli Selatan, ketika ia ditugaskan pemerintah Hindia Belanda di Pengadilan Negeri Padang Sidempuan dengan tugas tambahan sebagai peneliti hukum adat di sana.³⁰ Prof. Dr. Hazairin adalah mantan Menteri Dalam Negeri dalam kementerian Ali-Wongso-Arifin (1953-1955). Beliau lahir di Bukit Tinggi, 28 November 1906 M. dan meninggal dunia di Jakarta pada 11 Disember 1975 M. Beliau dimakamkan di TMP Kalibata, Jakarta.³¹

Hazairin sebagai tokoh reformasi hukum Islam di Indonesia, dan ketokohnya adalah selari dengan tokoh-tokoh reformasi terkenal yang lain seperti Hasbi Assiddiqie, A. Hassan, Munawir Sadzali dan Ali Yafie. Walaupun beliau berpendidikan Barat yang sekular, ketokohnya telah membawa pengaruh pada kebangkitan hukum Islam di Indonesia. Kebolehan Hazairin dalam mengeluarkan idea pemikirannya dibuktikan dengan hasil penulisannya yang agak banyak,³² dan beliau menulis tentang hukum adat dan hukum Islam sebanyak tidak kurang dari 17 karya. Dalam lapangan hukum adat, tulisan Hazairin telah memberikan gambaran tentang kepelbagaian budaya hukum yang

³⁰ <http://hub.iibn.info/files/disk1/12/hubptai-gdl-abubakar-590-1-prof.dr-.pdf> Prof. Dr. Hazairin, SH dan *Pemikiran Hukum Kewarisan Bilateral*. html., 10/9/2008

³¹ <http://id.wikipedia.org/wiki/Hazairin>. html., 13/9/2008.

³² Masyarakat Muslim Indonesia sampai saat ini tidak dapat menerima fahaman sekularisme, liberalisme dan faham-faham baru lainnya yang bertentangan dengan Islam. Hal ini dibuktikan dengan banyaknya aksi penolakan melalui tulisan, bantahan dan lain sebagainya.

berkembang di Indonesia. Sedangkan dalam lapangan hukum Islam pula, Hazairin mempunyai hasrat yang kuat untuk menerapkan sistem hukum Islam di Indonesia, sama ada dalam tatanan hukum perdata mahupun hukum pidana.³³ Di samping itu, tulisannya tentang '*Hukum Kewarisan Bilateral menurut al-Qur'an*', telah membawa implikasi kepada terjadinya perdebatan di kalangan ahli hukum, sama ada hukum adat mahupun hukum Islam.

Sehingga kini, pengaruh Dr. Hazairin terhadap perkembangan hukum Islam di Indonesia adalah cukup besar, di mana beliau telah membangunkan satu bentuk "Mazhab Nasional" dalam erti "Mazhab" sebagai pengertian yang sebenar, bersandarkan kepada al-Qur'an dan Sunnah dan "Nasional" yakni Indonesia, dengan maksud agar hukum Islam di Indonesia menjadi "praktis" dan dijalankan oleh umatnya. Pengaruh secara tidak langsung yang dapat dirasakan pada masa sekarang adalah dengan adanya Undang-undang Perkahwinan Nombor 1 Tahun 1974, Undang-Undang Nombor 7 Tahun 1989 tentang Peradilan Agama dan Kompilasi Hukum Islam.³⁴

Hazairin berpendapat bahawa pada hakikatnya, sistem pewarisan yang terkandung dalam al-Qur'an adalah merupakan implikasi daripada sistem pewarisan yang bercorak *bilateral*. Landasan yang menguatkan pendapatnya adalah: *Pertama*, apabila surah al-Nisa ayat 22, 23 dan 24 diperhatikan, akan ditemui bahawa adanya keizinan untuk berkahwin antara mereka yang bersaudara sepupu, yang menghapuskan

³³ Perdata adalah undang-undang yang menentukan hak serta benda dan perhubungan antara orang dll., manakala Pidana adalah buku undang-undang yang menyatakan hukuman-hukuman jenayah. Lihat; Kamus Dewan (2002), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1034.

³⁴ <http://hub.iibn.info/files/disk1/12/hubptai-gdl-abubakar-590-1-prof.dr-.pdf>, Prof. Dr. Hazairin, SH dan *Pemikiran Hukum Kewarisan Bilateral*. 10/9/2008.

larangan perkahwinan antara satu suku dalam masyarakat *patrilineal* dan *matrilineal*. Fakta ini menunjukkan bahwa al-Qur'an cenderung kepada sistem kekeluargaan yang bilateral. *Kedua*, surah al-Nisa ayat 11 yang menjadikan bahawa semua (sama ada lelaki atau perempuan) menjadi ahli waris bagi orang tuanya. Demikian juga dengan menjadikan ayah dan ibu sebagai ahli waris bagi anaknya yang mati yang mana tidak meninggalkan zuriat. Ini merupakan sistem *bilateral* kerana dalam sistem *patrilineal*, pada prinsipnya hanya anak lelaki yang berhak mewarisi begitu juga pada sistem *matrilineal*, hanya anak perempuan yang berhak mewarisi. *Ketiga*, surah al-Nisa ayat 12 dan 176 menjadikan saudara bagi semua jenis saudara (lelaki mahupun perempuan) sebagai ahli waris.³⁵

Ahlussunnah menggolongkan ahli waris pada *dhūl farā'id*, *aṣabah* dan *dhūl arḥām*. Berbeza dengan sistem pewarisan bercorak *bilateral* yang menggolongkan ahli waris menjadi tiga golongan: *dhūl farā'id*, *dhūl qarābāt* dan *mawālī*.

1. *Dhūl farā'id*; iaitu ahli waris yang mendapat bahagian pusaka tertentu dalam keadaan tertentu. Semua pihak dalam pewarisan Islam mengenal dan mengakui golongan ini.
2. *Dhūl qarābāt*; iaitu ahli waris yang mendapat bahagian pusaka yang tidak tertentu jumlahnya. Sistem *bilateral* menganut dan menamakan *dhūl qarābāt*, sedangkan ahlussunnah menyebutnya sebagai *asabah*.
3. *Mawālī*; iaitu ahli waris pengganti. Yang dimaksudkan ialah ahli waris yang menggantikan seseorang untuk memperoleh bahagian harta pusaka yang seharusnya akan diperoleh orang yang digantikan, kerana orang yang digantikan

³⁵ Hazairin (1982), *Hukum Kewarisan Bilateral menurut Qur'an dan Hadis*, Jakarta: Tinta Mas, h. 13-14.

itu adalah orang yang seharusnya menerima harta pusaka jika ia masih hidup. Orang yang digantikan ini hendaklah merupakan penghubung antara dia yang menggantikan dengan pewaris yang meninggalkan harta peninggalan.³⁶ Masalah ahli waris pengganti ini muncul kerana Hazairin merasakan adanya ketidakadilan dalam pembahagian pusaka yang ada selama ini, yakni bahawa cucu perempuan yang ayahnya meninggal dunia terlebih dahulu tidak mendapat harta pusaka dari harta yang ditinggalkan datuknya kerana ada saudara lelaki ayahnya (pakcik). Juga menghilangkan sama sekali hak cucu dari kelahiran anak perempuan kerana adanya orang yang disebut *asabah*, sehingga timbul ketidakadilan antara sesama cucu si pewaris. Dalam masalah ini, ulama Ahlussunnah sepakat bahawa anak lelaki menghibab (menutup) cucu lelaki dan cucu perempuan. Keterangan lain oleh Hazairin atas Mazhab Syafi'i bahawa keberadaan ahli waris pengganti lebih banyak diposisikan sebagai *dhawu al-Arḥām*. Oleh kerana itu, cucu yang ayahnya meninggal terlebih dahulu, walaupun sangat berjasa dalam mengurus datuknya, tetap tidak mendapat warisan dari datuknya, kerana adanya anak datuk (saudara ayah) yang masih hidup yang menghibabnya, walaupun ia (pakcik tersebut) tidak pernah berbuat jasa dalam menguruskan ayahnya. Menanggapi hal ini, Hazairin memberi penafsiran baru terhadap Surah al-Nisa (4) ayat 33. Hazairin mengertikan *Mawālī* dalam ayat itu dengan “pengganti ahli waris”.

وَلِكُلِّ جَعَلْنَا مَوَالِي مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ^ع وَالَّذِينَ عَقَدْتَ
 أَيْمَانُكُمْ فَأَتَوْهُمْ نَصِيْبَهُمْ^ع إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا

Ertinya: “Bagi tiap-tiap harta peninggalan dari harta yang ditinggalkan ibu bapa dan karib kerabat, Kami jadikan pewaris pewarisnya...”

³⁶ Sajuti Thalib (1993), *Hukum Kewarisan Islam di Indonesia*, Jakarta: Sinar Grafika, h. 80.

Ayat di atas menurut kefahaman ini bererti, “Bagi mendiang anak, Allah mengadakan *mawālī* sebagai ahli waris dalam harta peninggalan ayah atau ibu; dan bagi mendiang *aqrabūn*, Allah mengadakan *mawālī* sebagai ahli waris dalam harta peninggalan sesama saudara maranya”.³⁷ Dengan demikian, nyatalah bahawa *mawālī* itu adalah ahli waris kerana penggantian cucu di sini menggantikan kedudukan orang tuanya yang telah meninggal dunia terlebih dahulu, dan bahagiannya sama dengan bahagian yang seharusnya menjadi hak orang tua yang digantikan.

Hazairin membuat pengelompokan ahli waris kepada beberapa kelompok keutamaan, berdasarkan ayat-ayat pewarisan (Q.S. al-Nisa (4): 11, 12, 33 dan 176), sebagaimana berikut:

1. Keutamaan pertama, ada tiga:
 - a. Anak-anak lelaki dan perempuan, atau sebagai *dhawū al-Farāid* atau sebagai *dhawū al-Qarābāt*, bererti *mawālī* bagi mendiang-mendiang anak lelaki dan perempuan. Dasarnya adalah al-Qur’an Surah al-Nisa ayat 11 dan 33.
 - b. Orang tua (ayah dan ibu) sebagai *dhawū al-Farāid*. Dasar hukumnya al-Qur’an Surah al-Nisa ayat 11.
 - c. Janda atau duda sebagai *dhawū al-Farāid*. Dasar hukumnya al-Qur’an Surah al-Nisa ayat 12.
2. Keutamaan kedua, ada empat:
 - a. Saudara lelaki atau perempuan, sebagai *dhawū al-Farāid* atau sebagai *dhawū al-Qarābāt*, bererti *mawālī* bagi mendiang-mendiang saudara lelaki atau perempuan

³⁷ Hazairin, *op.cit.*, h. 29.

dalam hal *kalālāh*. Dasarnya adalah al-Qur'an Surah al-Nisa: 12, al-Nisa: 176 dan al-Nisa: 33

- b. Ibu sebagai *dhawū al-Farāid*. Kedudukan ini berdasarkan dalil *naqlī* Surah al-Nisa: 11, al-Nisa: 12, dan al-Nisa: 176
 - c. Ayah sebagai *dhawū al-Qarābāt* dalam hal *kalālāh*, sebagai dalil al-Qur'an Surah al-Nisa: 12.
 - d. Janda atau duda sebagai *dhawū al-Farāid*. Kedudukan ini dikuatkan dengan nas al-Qur'an Surah al-Nisa: 12.
3. Keutamaan ketiga, ada tiga:
- a. Ibu sebagai *dhawū al-Farāid*. Berdasarkan dalil al-Qur'an Surah al-Nisa: 11.
 - b. Ayah sebagai *dhawū al-Farāid*. Kedudukannya dikuatkan oleh dalil al-Qur'an Surah al-Nisa: 11.
 - c. Janda atau duda sebagai *dhawū al-Farāid*. Dalil naqli al-Qur'an dapat dilihat pada Surah al-Nisa: 12.
4. Keutamaan keempat, ada tiga:
- a. Janda atau duda sebagai *dhawū al-Farāid*. Berdasarkan dalil *naqlī* dalam al-Qur'an Surah al-Nisa: 12
 - b. Datuk dan *mawālī* untuk mendiang datuk. Pegangan dasar dalam hal ini adalah al-Qur'an Surah al-Nisa: 33.
 - c. Nenek dan *mawālī* untuk mendiang nenek. Berdasarkan dalil *naqlī* yang terdapat dalam al-Qur'an Surah al-Nisa: 33.³⁸

Intisari dari kelompok keutamaan pertama, ialah adanya anak; ahli waris yang lain (ayah, ibu, duda, janda) boleh ada dan boleh tidak ada. Ada tidak adanya anak

³⁸ *Ibid*, h. 37.

sebagai penentu bagi ada tidak adanya kelompok keutamaan pertama. Jikalau mempunyai anak, kelompok pertamalah dia, dan jikalau tidak ada anak, maka bukanlah dia (kelompok ahli waris itu) kelompok keutamaan pertama. Pokok masalahnya adalah anak dan keturunannya, anak di sini bererti anak atau *mawālī* anak yang meninggal.

Intisari dari kelompok keutamaan kedua, ialah tidak adanya anak dan adanya saudara. Jikalau ada saudara (anak tidak ada), kelompok keutamaan kedualah dia. Saudara di sini bererti saudara atau *mawālī* saudara yang sudah meninggal. Pokok permasalahannya ialah orang tua dan saudara.

Intisari dari kelompok keutamaan ketiga, ialah (sesudah tidak adanya anak dan saudara) ada atau tidak adanya ibu atau/dan ayah. Jikalau wujud salah satu ibu atau ayah, ataupun jikalau ada kedua-duanya (ada ibu dan ayah sesudah tidak ada anak dan saudara) maka kelompok keutamaan ketigalah dia. Janda atau duda yang selalu ikut itu, penentu kelompok keutamaan keempat. Pokok masalah keutamaan ketiga iaitu datuk.

Intisari dari kelompok keempat yakni saudara dengan garis menyamping sampai darjat keenam.³⁹

Setiap kelompok keutamaan itu, sama ada keutamaan pertama, kedua, dan juga keutamaan keempat dirumuskan dengan penuh, maksudnya kelompok keutamaan yang lebih rendah tidak dapat mewaris bersama-sama dengan kelompok keutamaan yang lebih tinggi, kerana kelompok keutamaan yang lebih rendah itu tertutup oleh kelompok keutamaan yang lebih tinggi.

³⁹ Sajuti Thalib, *op.cit.*, h. 88.

Pendapat Hazairin di atas banyak mendapat tanggapan pro dan kontra. Pendapat yang tidak selari dengan pemikiran Hazairin beralasan bahawa Islam meletakkan akhlak sebagai kunci dan elemen terpenting dalam menilai kredibiliti seseorang, Contohnya, menjadi pemimpin, hakim, saksi, dan lain-lain disyaratkan supaya berlaku adil. Dalam ilmu Hadis, perawi Hadis merupakan bahagian yang amat menentukan kualiti hadis tersebut bagi menentukan ke-*hujjah*-annya, apakah: *shahīh*, *hasan*, *ḍa‘īf*, apakah: *muttaṣil*, *marfū‘*, *majhūl*, dan sebagainya.

Untuk meyakinkan masyarakat Muslim apakah pemikiran Hazairin boleh diterima atau tidak, maka diharuskan untuk kita mengetahui latar belakangnya. Hazairin berlatar belakangkan pendidikan Doktor dalam bidang hukum adat, yang mana hukum adat sengaja dibuat bagi menyempitkan peranan hukum Islam. Beliau juga banyak menghasilkan tulisan dalam bidang Hukum Adat walaupun tajuknya terkait dengan hukum Islam, namun buku tersebut mengandungi ayat-ayat al-Quran yang diterjemahkan dan ditafsirkan mengikut Hukum Adat. Dalam satu kenyataannya Hazairin mengatakan “*Hukum adalah satu penjelmaan hidup kemasyarakatan iaitu serangkaian hubungan tertentu yang timbul dalam dan dari masyarakat tertentu pula. Iaitu serangkaian peraturan hidup yang tertumpu kepada hak dan kewajipan yang berlaku selama dikuatkan oleh masyarakat itu. Ia akan berubah jika masyarakat itu berubah sikap dan menimbulkan penjelmaan yang baharu yang sesuai dengan keperluan hidupnya yang baharu pula*”. Kesimpulan dari pernyataan di atas adalah bahawa hukum-hukum yang bersumber daripada Rasulullah S.A.W. hanya sesuai untuk

Bangsa Arab pada masa Baginda sahaja. Ketika masa telah berubah seperti sekarang ini, maka hukum Baginda sudah tidak dapat digunapakai lagi.⁴⁰

Teori *receptie*⁴¹ adalah sangat kuat tertancap di dalam pemikiran Hazairin. Ia bermaksud bahawa Fiqh Islam tidak sesuai bagi masyarakat adat di Indonesia dan ia hanyalah sesuai untuk masyarakat Arab. Hukum Islam baru dapat diterima apabila telah diterima oleh Hukum Adat mereka. Istilah-istilah Hukum Adat, seperti; *patrilineal*, *matrilineal*, *parental (bilateral)*, garis pokok penggantian, dan lain-lain lagi; beliau jadikan senjata untuk mengurangkan peranan kitab-kitab Fekah tersebut. Istilah “Konflik berpanjangan” beliau laungkan semata-mata untuk tujuan mendokong teori *receptie*.⁴²

Pemikiran-pemikiran yang tidak sesuai dengan tujuan nas-nas syarak sebagaimana dihuraikan dalam kritikan terhadap Hazairin di atas, adalah pemikiran-pemikiran yang tidak sesuai dengan tujuan hukum kewarisan (*maqāṣid sharīah*): *hifz al-'Aql*, kerana pemikiran-pemikiran Hazairin bukan atas ketundukannya kepada Allah Ta'ala, tetapi tunduk kepada keinginan penjajah Belanda yang mengutamakan Hukum Adat dan meremehkan Hukum Islam.⁴³

Menurut Toha Jahya Omar, seluruh argumen Hazairin lemah dan tertolak. Sistem pengganti itu ada tetapi sangat terhad seperti *dhawil arḥām* pada waktu tidak adanya *dhawil furūd* dan dapat diberikan dengan wasiat *wajibah*. Hazairin selanjutnya

⁴⁰ Habiburrahman (2010), *Hukum Kewarisan KHI*, Balikpapan: Panitia Rakernas MA, h. 11-16.

⁴¹ Maksudnya hukum peribumi harus mengikut agama yang diikuti oleh masyarakatnya. Teori ini dikemukakan oleh Snouck Hurgronje kemudian dikembangkan oleh Van Vollenhoven dan Ter Haar. Teori ini berpanjangan dari keinginan Snouck Hurgronje agar orang-orang Pribumi rakyat jajahan jangan sampai sangat kuat memegang Islam sebab pada umumnya orang-orang yang kuat memegang agama Islam tidak mudah dipengaruhi oleh peradaban barat. <http://akubukanmanusiapurba.blogspot.com/hukum-islam-di-indonesia.html>. 12/10/2012

⁴² Habiburrahman (2010), *op.cit.*, h. 15.

⁴³ *Ibid*, h. 16.

berpendirian bahawa istilah keturunan itu ialah setiap orang di garisan ke bawah tidak tertakluk sama ada garisan itu adalah lelaki atau perempuan. Apabila konsep di atas diterima kerana hanya mengikut perasaan semata-mata, maka terjadilah seorang ahli waris mendapatkan warisannya dari dua keluarga. Ia merupakan suatu hal yang tidak dijumpai dalam al-Qur'an dan Hadis bahkan dalam Hukum Adat sekalipun.⁴⁴

Adapun golongan yang menyokong pemikiran Hazairin berpandangan bahawa sistem kewarisan sunni yang bercorak *patrilineal* dalam beberapa kes tertentu nampaknya kurang dapat memberi penyelesaian yang adil terhadap para ahli waris. Ini berbeza dengan sistem kewarisan *bilateral* yang lebih memberikan keadilan. Sebagai contoh, bila ada seseorang yang meninggal dunia dengan ahli warisnya terdiri daripada beberapa orang anak lelaki dan perempuan, seorang isteri dan beberapa orang cucu yang orang tuanya telah meninggal. Menurut sistem kewarisan Sunni, cucu tidak mungkin dapat warisan dari datuknya kerana masih ada anak (saudara dari orang tuanya). Sedangkan menurut sistem *bilateral*, cucu tersebut tetap dapat mewarisi harta peninggalan datuknya sebesar yang diterima orang tuanya seandainya masih hidup, kerana cucu di sini berkedudukan sebagai *mawali* bagi anak. Dari contoh sederhana ini, maka nampaklah bahawa pembahagian harta waris yang ditawarkan melalui sistem *bilateral* nampak lebih adil. Dengan demikian sistem kewarisan *bilateral* paling tidaknya telah memberikan penyelesaian bagi sistem kewarisan yang dianggap kurang dapat memenuhi keadilan, khususnya bagi masyarakat Indonesia. Pembaharuan yang dicadangkan merupakan satu bentuk sistem yang padu dan menyeluruh, bahkan cukup

⁴⁴ Taufiq (2010), *Kedudukan Perempuan Dalam Hukum Waris*, Jakarta: Panitia Seminar Nasional PPHI2M dan Majalah Mimbar Hukum, h. 21-22.

berpengaruh terhadap perkembangan hukum Islam di Indonesia. Dukungan terhadap pendapat Hazairin telah banyak dikemukakan dalam pelbagai kajian ilmiah. Keberatan terhadap teori ini agaknya lebih disebabkan tidak beraninya mereka dalam menyamak cara tafsir Mazhab Sunni yang lebih condong kepada sistem *patrilinial* dan terlanjur diutamakan. Untuk itu, agar pemikiran Hazairin dapat diterima di kalangan Sunni yang konservatif ini, manakala dia mampu memahami bahawa sistem kewarisan Sunni merupakan salah satu hasil pencabaran intelektualisme sebagaimana yang dilakukan oleh Hazairin⁴⁵

3.4 Kompilasi Hukum Islam (KHI)

Telah menjadi pengetahuan umum bahawa KHI merupakan hukum Islam yang dikuatkuasakan sebagai undang-undang negara pada pemerintahan orde baru.⁴⁶ KHI disusun berdasarkan keputusan bersama Ketua Mahkamah Agung dan Menteri Agama, 21 Mac 1985 M. Penyusunan KHI berlangsung selama enam tahun (1985-1991), dan pada tarikh 10 Jun 1991 M, berdasarkan Instruksi Presiden (Inpres) No.1 Tahun 1991 M., KHI dikukuhkan sebagai pedoman rasmi dalam bidang hukum material bagi para hakim di lingkungan Peradilan Agama di seluruh Indonesia. KHI merupakan respon pemerintah terhadap timbulnya pelbagai keresahan di kalangan masyarakat akibat perbezaan keputusan Pengadilan Agama untuk satu kes yang sama. Perbezaan itu merupakan keselarasan daripada beragamnya sumber pengambilan hukum, berupa kitab-kitab fiqh yang dipakai oleh para hakim dalam memutuskan suatu perkara. Kerana itu,

⁴⁵ A. Sukris Sarmadi (1997), *Transendensi Keadilan Hukum Waris Islam Transformatif*, Jakarta: Rajawali Pers, h. 278.

⁴⁶ Orde ertinya sistem atau pemerintahan. Orde baru maksudnya sistem pemerintahan pada masa Soeharto, manakala pada zaman pemerintahan presiden Sukarno disebut dengan orde lama. Lihat; Kamus Dewan (2002), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 947.

muncul suatu gagasan mengenai perlunya suatu hukum positif yang dirumuskan secara sistematis sebagai landasan rujukan bagi para hakim agama sekaligus sebagai langkah awal untuk mewujudkan kodifikasi hukum nasional. Penyelesaian yang diambil pemerintah adalah dengan melahirkan KHI.⁴⁷ KHI ini mengandung tiga buku. Buku pertama adalah tentang hukum perkawinan, buku kedua tentang hukum pewarisan, dan buku ketiga pula adalah berkenaan hukum perwakafan.⁴⁸

Jika diperhatikan KHI dalam kajian hukum pusaka dan dibandingkan dengan fiqh klasikal,⁴⁹ maka secara umum KHI mengandung beberapa prinsip :

1. Secara umum KHI menerapkan konsep fiqh klasikal. Ketentuan hukum pusaka yang ada dalam KHI dilihat menerapkan hukum pusaka Islam mengikut ulama klasik secara umum, kecuali dijumpai sedikit tambahan berupa penyempurnaan. Kerana itu, dapat difahami kehadiran KHI dalam masalah pusaka adalah ketentuan, dan justifikasi hukum pusaka Islam secara umum menjadi hukum pusaka Islam Indonesia.⁵⁰

2. KHI membawa sedikit penyempurnaan. Dengan harapan KHI mampu menciptakan kemaslahatan bagi umat Islam di Indonesia, maka perumus KHI sudah terlebih dahulu menggali adat dan nilai hukum pusaka yang wujud di tengah masyarakat untuk ditransformasikan menjadi hukum nasional dalam bentuk KHI. Misalnya, tentang adanya harta bersama suami isteri yang berakibat terhadap hukum pusaka, iaitu pada masa akan dibahagikan harta pusaka maka tidaklah secara langsung semua harta yang ditinggalkan akan menjadi harta pusaka akan tetapi dalam hal harta bersama, mestilah

⁴⁷ <http://eello25.multiply.com/journal/item/42>. *pembaruan hukum Islam*. 5/8/2008.

⁴⁸ Departemen Agama RI, *Kompilasi Hukum Islam*, Bandung: Fokus Media, h. 1.

⁴⁹ Maksud daripada fiqh klasikal iaitu fiqh mazhab Shafi'i, Maliki, Hanbali dan Hanafi.

⁵⁰ <http://www.pdf-search-engine.com/asas-asas-hukum--pdf.html>. *Asas-asas Kewarisan dalam Kompilasi Hukum Islam*, 25/10/2008.

harta peninggalan dibahagi dua, setengah untuk suami atau isteri dan setengah lainnya menjadi harta pusaka, sedangkan suami atau isteri yang masih hidup akan tetap mendapat harta pusaka lagi dari harta pusaka orang yang meninggal tadi.⁵¹

3. Mempositifkan hukum pusaka Islam. Dengan berlakunya KHI, di mana hukum pusaka termasuk di dalamnya, maka umat Islam memiliki acuan yang jelas tentang *farā'id*. Bila dilihat pada kenyataan yang ada pada masa sebelumnya, masih sering dijumpai adanya perbezaan keputusan dari pelbagai Pengadilan Agama yang setingkat dalam kes yang sama. Hal ini mungkin terjadi kerana tidak adanya ketentuan hukum yang pasti untuk dijadikan pegangan secara nasional yang terkodifikasi. Akan tetapi, ketentuan yang ada hanya berpedoman kepada Surat Edaran Biro Pengadilan Agama No. B./1/1957 18 Februari 1958 M. yang menentukan adanya 13 jenis buku untuk dijadikan pegangan dalam memutuskan suatu perkara, sedangkan ke 13 buku itu masih berkemungkinan adanya perbezaan pendapat walaupun semuanya Syafi'iyah.⁵²

Beberapa konsep pembaharuan Hukum pusaka Islam dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) adalah: *Pertama*, dalam ketentuan umum hanya ada satu hal baru iaitu adanya istilah anak angkat. Anak angkat di sini tetap ditempatkan bukan sebagai ahli waris, sama dengan pendapat para ulama fiqh klasik, akan tetapi KHI mengubahsuaikannya menjadi seorang yang mesti mendapat harta dengan cara wasiat wajibah dengan ketentuan bahawa perolehan anak angkat tersebut tidak melebihi 1/3 bahagian. Dengan demikian, anak angkat pasti memperolehi harta, sama ada dalam

⁵¹ Noor Azizah (2007), *Kajian hukum Islam terhadap pembahagian harta Pusaka untuk isteri yang ikut menanggung beban ekonomi keluarga*, Semarang: Universiti Diponegoro, h. 74

⁵² Kertas kerja dengan tajuk "*Pembahasan Kompilasi Hukum Islam*" dibentangkan oleh Drs. H.A. Mukti Arto, SH, M.Hum di Badan Peradilan Agama Indonesia pada 25/6/2011.

keadaan ada wasiat mahupun tidak. Hal ini dijelaskan dalam fasal 209 (2) “Terhadap anak angkat yang tidak menerima wasiat diberi *waṣiyyah wājibah* sebanyak-banyaknya 1/3 daripada harta pusaka orang tua angkatnya”.⁵³

Kedua, tentang hal yang menghalangi seseorang dari menerima harta pusaka (*mawāni’ al-Irsth*), dalam fiqh klasik ada tiga macam iaitu hamba, membunuh, dan berbeza agama. Dalam KHI tidak disebutkan hamba kerana hamba sudah tidak ada lagi pada masa ini, dan tetap dinyatakan tentang membunuh dan berbeza agama, kemudian ditambah dengan; cubaan membunuh, menganiaya pewaris secara serius, dan menfitnah pewaris dengan satu tindakan jenayah yang disabitkan hukuman lima tahun penjara atau yang lebih berat. Hal itu selari dengan yang dimaksudkan pasal 173 KHI.⁵⁴

Ketiga, bahagian 1/3 untuk ayah yang tersebut pada fasal 177: “Ayah mendapat bahagian sepertiga bila orang yang meninggal tidak meninggalkan anak, bila ada anak ayah mendapatkan bahagian seperenam”. Sebelum melangkah kepada persoalan *fard* 1/3 bagi ayah, perlu kiranya dikemukakan di sini bahagian yang mungkin diterima ayah dalam pembahagian pusaka. Dalam fiqh mawaris, ayah mendapatkan 1/6 (seperenam) dari harta pusaka, jika ia mewarisi bersama-sama dengan anak lelaki. Namun, jika menjadi ahli waris tidak bersama-sama dengan anak (sama ada lelaki mahupun perempuan) ia akan mendapatkan hak warisan dengan jalan asabah (al-Nisa’ 11).

⁵³ Departmen Agama RI, *op.cit.*, h. 66.

⁵⁴ “Seseorang terhalang menjadi ahli waris apabila dengan keputusan hakim yang telah mempunyai kekuatan hukum yang tetap dihukum kerana: a. Dipersalahkan telah membunuh atau mencuba membunuh atau menganiaya berat pada pewaris. b. Dipersalahkan secara memfitnah telah mengajukan pengaduan bahawa pewaris telah melakukan suatu kejahatan yang diancam dengan hukuman 5 tahun penjara atau hukuman yang lebih berat”.

Permasalahan yang timbul kemudiannya adalah bagaimana kewarisan ayah apabila bersama seorang anak perempuan atau lebih. Hal ini perlu diperhatikan, mengambil kira ayah tidak mungkin hanya diberikan bahagian seperenam, kerana dia di samping menerima bahagian juga, termasuk ahli waris penerima asabah yang dapat menghibab semua ahli waris selain anak dan ibu. Meskipun demikian, ayah juga tidak mungkin diberikan asabah secara langsung, kerana ada anak (perempuan) di mana berdasarkan petunjuk nas ayah harus menerima *fard* 1/6 (seperenam). Dalam menghadapi persoalan ini, ulama mengambil jalan tengah, iaitu dengan memberikan *fard* 1/6 (seperenam) terlebih dahulu kepada ayah. Jika setelah itu masih ada harta yang tersisa, maka sisa tersebut harus diberikan kepada ayah (tanpa melalui proses *radd* kepada seluruh ahli waris selain kepada suami atau isteri).⁵⁵

Tindakan seperti itu dikuatkuasakan kerana ayah ketika menerima secara *asabah* ada kemungkinan tidak mendapatkan warisan jika harta semuanya telah dihabiskan oleh penerima harta pusaka, atau kerana berdasarkan komposisi ahli waris yang ada terpaksa diperlakukan *awl*. Oleh sebab itu, tindakan memberikan *fard* 1/6 (seperenam) terlebih dahulu manakala ada anak perempuan, merupakan perlindungan dari kemungkinan ayah tidak mendapatkan warisan sama sekali. Dengan demikian, dalam *fiqh mawāriṭh* ayah dapat menerima warisan dalam tiga keadaan, iaitu menerima *fard* 1/6 jika yang meninggal mempunyai anak lelaki atau cucu lelaki dari anak lelaki, *asabah* jika yang meninggal tidak mempunyai keturunan, atau *fard* 1/6 ditambah *asabah* jika yang meninggal hanya mempunyai anak perempuan atau cucu perempuan dari anak lelaki,

⁵⁵ <http://www.darunnajah.ac.id/?act=news&kategori=Artikel&id=14Beranda>. Mengkritisi Bagian Sepertiga Ayah: Kajian Terhadap Fasal 177 Kompilasi Hukum Islam. 5/10/2008.

apabila harta memang mencukupi dan tidak terjadi proses *awl*. Apabila terjadi proses *awl*, ayah hanya dapat menerima *fard* 1/6 sahaja dan bahagiannya pun ikut mengecil mengikut terjadinya *awl* tersebut.⁵⁶

Meskipun masalah pewarisan ayah dalam *fiqh mawāriṭh* menurut kalangan ulama usul fiqh masuk dalam kategori *mawāḍi al-Ittifāq* dalam erti sudah menjadi pemahaman ulama kebanyakan, namun sepertinya tidak demikian yang berlaku di Indonesia, khasnya bagi ulama yang tergabung dalam ahli perumus KHI. Bagi mereka masih mungkin dilakukan ijtihad sehingga tiga kemungkinan ayah dalam menerima warisan hanya menjadi dua, iaitu jika tidak menerima 1/6, ayah akan menerima 1/3 jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak. Hal ini banyak menimbulkan pertanyaan-pertanyaan mengenai maksud fasal 177 Kompilasi Hukum Islam, yang dikemukakan dalam kursus, seminar, kajian, dan bengkel hukum, maka melalui Surat Edaran Mahkamah Agung Nombor 2 Tahun 1994 kepada seluruh Mahkamah Agama dan Mahkamah Tinggi Agama di seluruh Indonesia. Maka Mahkamah Agung memberikan penjelasan bahawa maksud fasal 177 tersebut ialah: Ayah mendapat bahagian sepertiga bila pewaris tidak meninggalkan anak, tetapi meninggalkan suami dan ibu. Bila ada anak, ayah mendapat bahagian seperenam.⁵⁷

Keempat, pergantian tempat (*mawali*). Di dalam kitab-kitab *fiqh mawāriṭh*, khususnya kitab-kitab fiqh klasik, ketentuan ahli waris pengganti seperti demikian tidak dijumpai, kecuali hanya dalam menentukan besarnya bahagian ahli waris *dhawī al-*

⁵⁶ Muhammad ‘Ali al-Sabuni (1995), *Pembahagian Harta Pusaka Menurut Islam*, terj. A.M Basamalah, Jakarta: Gema Insani Press, h.32

⁵⁷ Departmen Agama RI, *op.cit.*, h. 58

Arhām apabila tidak dijumpai ahli waris *dhawī al-Furūd* dan ahli waris asabah. Akan tetapi, di antara konsep pembaharuan Hukum Kewarisan Islam dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) adalah diberikannya hak seorang ahli waris yang telah meninggal dunia kepada keturunannya yang masih hidup. Aturan ini termaktub dalam fasal 185 KHI yang selengkapnya adalah sebagaimana berikut:

(1) Ahli waris yang meninggal dunia lebih dahulu daripada si pewaris, maka kedudukannya dapat digantikan oleh anaknya, kecuali mereka yang tersebut dalam fasal 173.

(2) Bahagian ahli waris pengganti tidak boleh melebihi daripada bahagian ahli waris yang sederjah dengan yang diganti.⁵⁸

Dilihat dari tujuannya, pembaharuan hukum kewarisan tersebut dimaksudkan untuk menyelesaikan masalah dan menghindari sengketa. Dalam kaitannya dengan hal ini, Soepomo mengatakan bahawa munculnya institusi pergantian tempat didasarkan pada aliran pemikiran bahawa harta benda dalam keluarga sejak semula memang disediakan sebagai dasar material keluarga dan turunannya. Jika seorang anak meninggal sedang orang tuanya masih hidup, anak-anak dari orang yang meninggal dunia tersebut akan menggantikan kedudukan ayahnya sebagai ahli waris harta benda datuknya. Namun demikian, KHI juga memberi batasan bahawa harta yang diperoleh oleh sang cucu adalah seperti bahagian yang seharusnya diterima orang tuanya jika mereka masih

⁵⁸ Departmen Agama RI, *op.cit.*, h. 60.

hidup. Pembaharuan ini adalah mengambil dari pemikiran yang dicetuskan oleh Hazairin.⁵⁹

3.5 Pendirian Kaum Liberal Terhadap Hukum Pusaka

Sudut pandang visi dan misi yang dibawa kaum liberal adalah: pluralisme, demokrasi dan hak asasi manusia (HAM), kesetaraan gender, kemaslahatan (kebaikan) umat, merubah dan juga menyusun semula syari'ah Islam. Beberapa masalah yang dicabar adalah: al-Qur'an dan Hadith disesuaikan dengan logik dan kondisi sosial masyarakat, karya ulama klasik pula dikatakan sangat taksub terhadap arab yang dianggapnya telah lapuk, tidak sesuai pula dengan perkembangan zaman dan oleh sebab itu harus ditinggalkan, juga paradigma dan orientasi kepelbagaian, masalah kemanusiaan dan hubungan antara agama. Kaedah yang digunakan dalam susunan adalah: "Yang menjadi perhatian mujtahid adalah pada *maqāsid* (maksud-maksud) yang dikandung nas, bukan pada lafaznya. Ini bermaksud, adalah dibolehkan untuk merubah ketentuan-ketentuan nas dengan menggunakan logik kemaslahatan."⁶⁰

Di antara gagasan-gagasan tentang pusaka yang dilontarkan kaum liberal adalah:

1. Masalah bahagian pusaka untuk anak lelaki dan anak perempuan 1:1.

Menurut pandangan mereka al-Qur'an telah datang untuk suatu tempoh tertentu yang sudah lama, sehingga tidak sesuai untuk segala zaman. Ertinya, ia tidak sesuai lagi dengan aplikasi sekarang. Hukum pusaka sebagaimana yang tertulis di dalam kitab-kitab

⁵⁹ <http://www.idlo.int/bandaacehawareness>. *Pergantian Kedudukan Ahli Waris Menurut Hukum Islam*. 25/10/2008.

⁶⁰ Ugi Suharto (2007), *Pemikiran Islam Liberal Pembahasan Isu-isu Sentral*, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.h. 6-30.

fiqh klasik masih tetap belum mengalami perubahan. Pembahagian waris antara anak lelaki dan perempuan tetap adalah 2 : 1. Usaha ke arah reformasi dan penafsiran semula hukum pusaka telah menimbulkan kontroversi yang besar dan kritikan yang sangat tajam dari sebahagian besar masyarakat. Mereka belum boleh menerima reformasi tersebut kerana dipandang menentang teks-teks pasti (*nuṣūṣ qat'ī*). *Nas qat'ī* adalah teks yang memiliki makna yang jelas dan tegas atau teks yang hanya mengandungi satu makna. Ketentuan pembahagian waris termasuk dalam katagori ini, kerana dikemukakan dalam bahasa matematik. Teks-teks hukum seperti ini menurut para ahli hukum Islam tidak boleh dilakukan penafsiran. Sebuah kaedah fiqh menyatakan : “*Lā ijtihāda ma'a al-Nas*” (tiada ijtihad selagimana masih ada nas) atau “*Lā majāla li al-Ijtihād fī wurūd al-Nas al-Qat'ī*” (tidak boleh ada *ijtihad* dalam nas yang telah pasti).⁶¹

Dengan mengesampingkan perdebatan mengenai teori *qat'ī-zannī* yang mungkin dapat dilakukan, satu hal yang perlu mendapat perhatian kita adalah mengenai konteks sosio-kultural ketika hukum tersebut dipraktikkan. Secara pasti kita dapat mengatakan bahawa keputusan al-Qur'an memberi waris kepada perempuan merupakan langkah ke arah perubahan yang sangat maju atas tradisi yang berlangsung ketika itu. Tradisi dan budaya Arab sebelum Islam seperti diketahui bukan hanya tidak memberikan hak apa-apa kepada perempuan bahkan juga sangat membenci makhluk jenis ini. Islam melalui ayat-ayat waris yang diturunkan secara tidak langsung mengkritik tradisi tersebut. Islam menghargai perempuan sebagai makhluk yang memiliki hak-hak sendiri sama ada atas dirinya sendiri mahupun atas harta benda atau hak milik. Pada sisi lain secara sosio-kultural pula, fungsi-fungsi ekonomi keluarga diurus dan dilakukan oleh lelaki

⁶¹ *Ibid, h. 31.*

sepenuhnya. Dengan kata lain, seluruh keperluan ekonomi isteri dan keluarga menjadi tanggungjawab lelaki (suami/ayah). Lelaki juga menanggung beban kewajipan mahar (mas kahwin), makan dan tempat tinggal isterinya, serta mut'ah jika terjadi perceraian. Sementara isteri berfungsi melayani suami dan mengurus rumah tangga. Fungsi ekonomi keluarga seperti ini dikemukakan secara jelas dalam surah al-Nisa ayat 34 iaitu firman Allah:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا
 أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَنِتَاتٌ حَفِظْنَ لِنَفْسِنَّ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ
 وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ
 وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا
 كَبِيرًا

Yang bermaksud: “Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh Karena Allah Telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan Karena mereka (laki-laki) Telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. sebab itu Maka wanita yang saleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh Karena Allah Telah memelihara (mereka). wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, Maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, Maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar.”

Merujuk kepada firman Allah di atas dan melihat keadaan sosio-ekonomi seperti ini, maka pembahagian waris 2 untuk lelaki dan 1 untuk perempuan adalah keputusan yang adil.

Perkembangan sejarah sosio-ekonomi ternyata tidak berjalan lurus. Realiti sosial sekarang menunjukkan perkembangan yang semakin luas di mana fungsi ekonomi keluarga tidak hanya menjadi hak sepenuhnya bagi lelaki atau suami, melainkan juga isteri. Para isteri tidak hanya duduk di rumah dan melayani suami, melainkan juga beraktiviti dengan usaha dan kerja-kerja ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Penghasilan ekonomi isteri juga tidak setakat menjadi sumber ekonomi tambahan atau sampingan tetapi sudah menjadi sumber pokok atau utama. Bahkan kini, semakin banyak yang terjadi adalah penghasilan isteri menjadi tumpuan ekonomi keluarga termasuk untuk suaminya sendiri. Dengan begitu, isteri menghadapi beban berganda. Jadi, adalah jelas bahawa telah terjadi perubahan besar antara kebudayaan lama dengan kebudayaan baru, antara bangunan sosial abad-abad lampau dengan bangunan sosial abad sekarang. Maka, menarik seluruh hukum lama untuk diterapkan ke dalam sosial baru menjadi tidak adil. Inilah sebabnya mengapa pentafsiran semula hukum pewarisan dirasakan sangat penting untuk dilakukan agar prinsip keadilan dapat ditegakkan.⁶²

Akan tetapi, mengikut pandangan pengkaji, bahagian lelaki 2:1 daripada bahagian perempuan adalah bahagian yang adil dan tidak menzalimi perempuan. Pertama, kerana Allah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana ketika menetapkan sesuatu hukum, pasti ada sebab dan hikmah di sebaliknya. Allah telah menetapkan

⁶² <http://afeministblog.blogspot.com/2006/05/pembaharuan-hukum-keluarga-islam-di.html>. 5/8/2008.

bahagian lelaki 2:1 daripada bahagian perempuan dalam surah an-Nisa':11, dan diakhir ayat tersebut diakhiri dengan firmanNya “...*dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Bijaksana*” merupakan ketetapan hukum yang mana tidak dibolehkan bagi manusia untuk berpaling dari hukum itu walau apapun sebabnya, kerana Allah lebih tahu apa yang telah ditetapkan sedangkan manusia hanya banyak mengikuti hawa nafsu. Kedua, jika dilihat kepada tanggung jawab lelaki dalam rumah tangga dan dalam aturan masyarakat Islam, akan nampak keadilan dalam bahagian pusaka ini.

2. Memberikan hak pusaka kepada ahli waris yang berbeza agama.

Alasan mereka bahawa syariat Islam tentang hak saling mewarisi bagi ahli waris yang berbeza agama adalah sangat *double-standard* terhadap orang kafir, padahal ayatnya tidak jelas dan hadithnya juga bersifat umum. Mereka mengatakan bahawa sikap agama Islam yang menafikan adanya hak saling mewarisi antara Muslim dan non Muslim dilihat bertentangan dengan prinsip demokrasi. Demokrasi ialah sebuah gagasan yang percaya pada prinsip kebebasan (*al-Hurriyyah*), kesetaraan (*al-Musāwāh*), persaudaraan (*al-Ukhuwwah*), keadilan dan juga pluralisme (*al-Ta'addudiyah*). Mereka mengatakan, fiqh Islam sangat tidak bertoleransi terhadap agama lain. Padahal ayat

وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

Ertinya: “..*dan Allah sekali-kali tidak akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk memusnahkan orang-orang yang beriman*” (*al-Nisa : 141*)

Ayat di atas tidak menunjukkan langsung pada pengharaman saling mewarisi ahli waris beza agama, dan yang ada hanyalah hadith yang bersifat umum. Maka menurut mereka, hukum waris harus dikembalikan pada semangat awalnya, iaitu dalam konteks

keluarga (*ulū al-Arḥām*), zuriat (nasab) dan menantu (*ṣihr*) walau apapun agamanya.⁶³ Jikalau hak waris anak dibezakan oleh orang tua kerana perbezaan agama, itu ertinya tidak bertanggung jawab terhadap anak-anak juga ketika dewasa memiliki hak untuk memilih agama yang akan dianutnya. Selain itu, mereka juga memberikan alasan bahawa secara logiknya, bila Islam menghargai agama lain dan mengizinkan pernikahan dengan agama lain (setelah mereka membolehkan pernikahan bagi yang berbeza agama), maka secara automatiknya pewarisan bagi yang berbeza agama juga adalah dibolehkan, kerana hadith yang melarang waris berbeza agama harus dibaca dalam semangat zamannya, yang mana terdapat hubungan kurang sihat dengan agama lain (kafir) pada ketika itu. Maka, bila hubungan Muslim dengan non-Muslim dalam keadaan normal, secara automatik matan hadith tersebut tidak dapat digunakan.⁶⁴

3. Cadangan mereka : Agar anak hasil zina mendapat hak pewarisan.

Dalam hukum Islam, anak zina hanya dapat mewarisi dari pihak ibu dan bukan dari pihak ayah. Akan tetapi, dengan alasan untuk menjaga hak anak dan sebagai perlindungan kepada anak, kaum liberal memberikan hak bagi anak zina untuk mewarisi dari ayah dan ibunya. Inilah salah satu bahagian dari bentuk keadilan dan kesetaraan mengikut pandangan orang-orang liberal yang menganggap bahawa adil itu adalah setara dan sama.⁶⁵

⁶³ <http://www.almanhaj.or.id/content/2347/slash/1>. *Relevansi Hukum Waris: Bias Isu Gender, Egalitarianisme, Pluralisme dan HAM*. 21/06/2008.

⁶⁴ <http://www.mail-archive.com/ppiindia@yahoogroups.com/msg64740.html>, *Ppiindia. Perkahwinan Beda Agama*. 30/10/2008.

⁶⁵ Zainun kamal *et al.*(2004), *Fiqih Lintas Agama*, Bogor: Yayasan Wakaf Paramadina, h. 65

3.6 Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHP)

KUHP adalah produk manusia yang lahir pada abad XI di Rom. Kemudian, ia dikembangkan oleh Napoleon dari Perancis yang sempat membawa para ilmuwan belajar *faraid* di Mesir pada abad pertengahan (abad XV dan abad XVI). Kemudian, dibawa ke Jerman dan Belanda yang terkenal dengan sebutan *Code Napolion*, *Code Civil*, dan seterusnya *Burgerlijk Wetboek* di Belanda, yang berdasarkan asas *konkordans* pada abad XX diberlakukan juga di Indonesia.⁶⁶

Pengaturan hukum pusaka dalam KUHP sebahagian besar diatur dalam buku kedua, yaitu yang mengatur tentang masalah kebendaan. Dan ada sebahagian yang diatur dalam buku I KUHP, misalnya penetapan bahawa setelah berakhirnya ikatan perkahwinan, maka harta benda kesatuan dibahagi dua antara suami dan isteri dengan tidak mempersoalkan dari pihak mana harta benda tersebut diperolehi.⁶⁷

Hukum pusaka yang diatur dalam KUHP tidak diaplikasikan untuk semua golongan penduduk Indonesia, akan tetapi hukum pusaka ini hanya diaplikasikan untuk:

- a. Golongan orang-orang Eropah dan mereka yang dipersamakan dengan orang-orang tersebut. Misalnya: Amerika, Inggeris, Cina, dan termasuk orang-orang Jepun.
- b. Golongan asing Tionghoa.
- c. Golongan timur asing lainnya dan orang-orang bumiputra yang menundukkan diri.⁶⁸

⁶⁶ Idris Ramilyo (2004), *Perbandingan Hukum Kewarisan Islam dengan Kewarisan Kitab Undang-undang Hukum Perdata*, Jakarta: Sinar Grafika, h. 198.

⁶⁷ Perkara ini sebagaimana termaktub dalam Fasal 128 buku pertama KUHP, “Setelah bubarnya persatuan, maka harta benda kesatuan dibahagi dua antara suami dan isteri atau antara ahli waris mereka masing-masing, dengan tidak mempedulikan soal dari pihak manakah barang-barang itu diperolehinya”.

⁶⁸ Hilman Hadikusuma (2003), *op. cit.*, h. 3.

Asas pokok hukum pusaka KUHP adalah fasal 1066 yang menyatakan bahawa menurut sistem ini, setelah pewaris wafat, harta pusaka mesti dibahagi-bahagikan kepada para ahli waris. Dan setiap ahli waris boleh menuntut agar harta pusaka yang belum dibahagikan segera dibahagikan, walaupun ada perjanjian yang bertentangan dengan itu. Kemungkinan adanya penangguhan pembahagian harta pusaka disebabkan adanya hal yang berlaku atas kesepakatan para ahli waris dibolehkan, akan tetapi penangguhan itu tidak melewati masa sebanyak lima tahun. Dalam keadaan luarbiasa, masa lima tahun tersebut boleh dilanjutkan dengan perjanjian baru.⁶⁹

Dalam hukum pusaka ini, berlaku suatu asas bahawa yang boleh diwariskan adalah harta beserta kewajiban yang harus ditunaikan orang yang meninggal. Jadi, hutang yang ada juga termasuk yang boleh diwariskan kepada ahli warisnya. Selain daripada hukum pusaka KUHP, masih ada tiga asas lain iaitu:

1. Asas Individu

Asas individu atau perseorangan di mana yang menjadi ahli waris perorangan bukan kelompok ahli waris dan bukan kelompok suku, atau keluarga. Hal ini dapat kita lihat dalam fasal 832,⁷⁰ yang menentukan bahawa yang dapat menerima pusaka adalah suami atau isteri yang hidup terlama, anak beserta keturunannya.

2. Asas *Bilateral*

⁶⁹ *Ibid.*, h. 32.

⁷⁰ Fasal 832 “Menurut undang-undang yang berhak menjadi ahli waris ialah para keluarga sedarah, sama ada sah mahupun luar kahwin, dan si suami atau isteri yang hidup terlama. Semua mengikut peraturan yang tertera di bawah ini. Dalam hal, bilamana sama ada keluarga sedarah mahupun si yang hidup terlama di antara suami atau isteri tidak ada, maka segala harta peninggalan orang yang meninggal menjadi milik kerajaan yang bertanggungjawab melangsaikan segala hutangnya sekadar harga harta peninggalan mencukupi untuk itu.

Ertinya bahawa seseorang tidak mewaris hanya dari pihak bapa sahaja, tetapi sebaliknya dari ibu juga, demikian juga saudara lelaki mewaris dari saudara lelakinya mahupun saudara perempuannya. Asas *bilateral* ini dapat kita lihat pada fasal 853,⁷¹ dan 856⁷² yang mengatur bila anak-anak dan keturunannya serta suami atau isteri yang hidup terlama tidak ada lagi, maka harta peninggalan dari orang yang meninggal diwarisi oleh ibu dan bapa serta saudara lelaki mahupun saudara perempuan.

3. Asas mengikut darjat

Asas mengikut darjat ertinya ahli waris yang darjatnya lebih dekat dengan pewaris akan menutup ahli waris yang lebih jauh darjatnya. Maka, untuk memudahkan pembahagian, diadakan penggolongan-penggolongan ahli waris.⁷³

Penggolongan ahli waris terdiri daripada empat golongan. Golongan pertama diatur dalam fasal 832, fasal 842,⁷⁴ dan fasal 852⁷⁵ iaitu suami atau isteri yang hidup

⁷¹ Fasal 853 “Apabila yang meninggal dunia tidak meninggalkan keturunan, mahupun suami atau isteri, atau saudara-saudara, maka dengan tidak mengurangi ketentuan dalam fasal 859, harta pusaka mesti dibahagi dalam dua bahagian yang sama, iaitu satu bahagian untuk sekalian keluarga sedarah dalam garis bapak lurus ke atas dan satu bahagian untuk sekalian keluarga yang sama dalam garis ibu. Semua keluarga sedarah dalam garis lurus ke atas dalam darjat yang sama mendapat bahagian mereka kepala demi kepala”.

⁷² Fasal 856 “Apabila seorang meninggal duniadengan tidak meninggalkan keturunan mahupun suami atau isteri, sedangkan sama ada bapa mahupun ibunya telah meninggal lebih dahulu, maka seluruh harta pusaka adalah hak semua saudara lelaki dan perempuan dari yang meninggal.”

⁷³ Idris Ramulyo (2004). *op.cit*, hal. 96.

⁷⁴ Fasal 842 “Pergantian dalam garis lurus ke bawah yang sah berlangsung terus dengan tiada akhirnya. Dalam segala hal pergantian seperti di atas selamanya diperbolehkan, sama ada dalam hal bilamana beberapa anak yang meninggal dunia mewaris bersama-sama dengan keturunan anak yang telah meninggal lebih dahulu, ataupun sekalian keturunan mereka mewaris bersama-sama satu sama lain dalam pertalian keluarga yang berbeza-beza darjatnya.”

⁷⁵ Fasal 852 “Anak-anak atau sekalian keturunan mereka walaupun dilahirkan dari lain-lain perkahwinan sekalipun mewaris dari kedua orang tua, datuk, nenek atau semua keluarga sedarah mereka, selanjutnya dalam garis lurus ke atas dengan tiada perbezaan antara lelaki atau perempuan dan tiada perbezaan berdasarkan kelahiran lebih dahulu. Mereka mewaris kepala demi kepala, jika dengan yang meninggal mereka bertalian keluarga dalam darjat ke satu dan masing-masing mempunyai hak kerana diri sendiri

terlama dan anak-anak beserta keturunannya sama ada secara sah⁷⁶ mahupun tidak sah (anak luar nikah)⁷⁷, dan sama ada lelaki mahupun perempuan. Kehadiran mereka dapat menapis anggota keluarga yang lain dalam garis ke atas dan dalam garis ke samping. Apabila ada di antara anak yang meninggal dunia, maka keturunannya (cucu) akan menggantikan orang tuanya. Adapun bahagian cucu mengikut bahagian orang tuanya.⁷⁸

Golongan kedua iaitu terdiri dari orang tua (bapa dan ibu) dan saudara-saudara dari orang yang meninggal. Mereka masing-masing mendapat bahagian yang sama, akan tetapi bahagian ayah dan ibu masing-masing tidak boleh kurang daripada $\frac{1}{4}$ bahagian dari seluruh harta peninggalan golongan kedua. Masalah ini diterangkan dalam fasal 854,⁷⁹ 855,⁸⁰ dan 856⁸¹ KUHP.

Golongan ketiga meliputi datuk dan nenek sebelah ibu dan datuk nenek sebelah bapa. Untuk pembahagian harta pusaka bagi golongan ketiga, harta pusaka mesti

mereka mewaris pancang demi pancang jika sekalian mereka atau sebahagian mereka bertindak sebagai pengganti”.

⁷⁶ Anak sah maksudnya anak yang dibenihkan setelah adanya ikatan perkahwinan.

⁷⁷ Anak tidak sah iaitu anak yang dihasilkan sebelum adanya ikatan perkahwinan.

⁷⁸ Anisitus Amanat (2003), *Membagi Warisan Berdasarkan Pasal-pasal Hukum Perdata*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 7.

⁷⁹ Fasal 854 “Apabila seorang meninggal dunia dengan tak meninggalkan keturunan mahupun suami atau isteri, sedangkan bapa dan ibunya masih hidup, maka masing-masing mereka mendapat serpertiga dari harta pusaka. Jika yang meninggal hanya meninggalkan seorang saudara lelaki atau perempuan, yang mana mendapat sepertiga selebihnya. Bapa dan ibu masing-masing mendapat seperempat jika yang meninggal meninggalkan lebih dari seorang saudara lelaki atau perempuan, sedangkan dua perempat bahagian selebihnya menjadi bahagian saudara lelaki dan perempuan.”

⁸⁰ Fasal 855 “Apabila seorang meninggal dunia dengan tak meninggalkan keturunan mahupun suami atau isteri, sedang bapa atau ibu telah meninggal terlebih dahulu, maka si ibu atau bapa yang hidup terlama mendapat setengah dari harta pusaka, jika yang meninggal hanya meninggalkan seorang saudara perempuan atau lelaki. Sepertiga dari harta pusaka jika dua saudara lelaki atau perempuan ditinggalkannya. Dan seperempat jika lebih dari dua saudara lelaki atau perempuan ditinggalkannya. Bahagian-bahagian selebihnya adalah untuk saudara-saudara lelaki atau perempuan.”

⁸¹ Fasal 856 “Apabila seorang meninggal dunia dengan tak meninggalkan keturunan mahupun suami atau isteri, sedangkan bapa mahupun ibunya telah meninggal lebih dahulu, maka seluruh harta pusaka adalah hak sekalian saudara lelaki dan perempuan dari si meninggal.”

dibahagi dua terlebih dahulu. Setengah bahagian untuk datuk nenek di pihak ibu dan setengah yang lain untuk datuk dan nenek di pihak bapa. Perkara ini dijelaskan dalam fasal 853 dan 859⁸² kitab undang-undang hukum perdata.

Golongan keempat terdiri daripada keluarga sedarah yang lainnya dalam garis menyimpang sampai darjat keenam, iaitu saudara-saudara dari pihak ayah dan ibu, lelaki atau perempuan (pakcik dan makcik). Kekhususan golongan ketiga dan keempat adalah boleh mewaris bersama-sama pada satu masa. Jadi, selagimana ahli waris golongan pertama masih ada, ahli waris golongan kedua tidak boleh mewaris. Begitu juga sekiranya ahli waris golongan kedua masih ada, golongan ketiga tidak boleh mewaris. Hanya golongan ahli waris ketiga dan keempat yang boleh mewaris bersama-sama pada masa yang sama.⁸³

Di antara perbezaan KUHP dengan hukum pusaka adat dan hukum pusaka Islam adalah harta pusaka mengikut hukum adat dan hukum Islam yang dapat dipindahkan pada hakikatnya hanyalah kekayaan setelah digunakan untuk membayar segala hutang dan juga keperluan si mati. Berbeza dengan KUHP yang berpindah pada hakikatnya, meliputi semua harta pusaka yang termasuk juga segala hutang piutang orang yang meninggal dunia. Dengan adanya ketentuan sebagaimana disebutkan di atas, maka para ahli waris dapat memilih satu di antara tiga pilihan sepertimana berikut:

⁸² Fasal 859 “Bapa atau ibu sendiri yang hidup terlama mewaris seluruh harta pusaka dari anaknya yang meninggal dunia dengan tak meninggalkan keturunan mahupun suami atau istri, mahupun pula saudara lelaki atau perempuan”.

⁸³ Anisitus Amanat (2003), *op. cit.*, h. 10.

1. Menerima secara keseluruhan. Ahli waris menerima harta pusaka termasuk juga hutang-hutang orang yang telah meninggal tersebut.
2. Menerima dengan syarat. Harta pusaka diterima secara terperinci, sedangkan hutang orang yang meninggal dibayar mengikut harta benda yang diterima oleh ahli waris.
3. Sikap menolak. Ahli waris tidak mahu menerima harta pusaka kerana ia tidak mahu tahu tentang harta pusaka tersebut.⁸⁴

Dari beberapa huraian di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa kepelbagaian suku dan agama dalam masyarakat Indonesia merupakan salah satu sebab adanya kepelbagaian hukum pusaka. Hukum pusaka adat yang merupakan hukum pusaka Indonesia yang tidak tertulis dalam bentuk perundangan, dan tidak terlepas daripada pengaruh unsur-unsur agama dan kebiasaan yang berlaku turun temurun sejak zaman nenek moyang terdahulu. Mengikut hukum pusaka adat, penerusan dan pemindahan harta kekayaan dapat berlaku sejak pewaris masih hidup atau selepas pewaris meninggal dunia. Dalam pembahagiannya pula, ada yang mengikut sistem *matrilinial*, sistem *patrilinial* dan juga sistem *parental* atau *bilateral*. Dalam hukum pusaka adat, tidak ada peraturan yang selari apatah lagi ketentuan-ketentuan tertentu berkenaannya. Dalam hal harta pusaka, ia dapat dibahagi kepada harta yang tidak dapat dibahagi-bahagikan penguasaan dan pemilikannya kepada ahli waris dan harta yang dapat dibahagi-bahagikan. Harta yang tidak dapat dibahagi-bahagikan pula ada dua jenis iaitu secara kolektif dan mayorat.

⁸⁴ Hilman Hadikusuma (2003), *op.cit.*, h. 33.

Pada tahun 1950, Hazairin sebagai tokoh reformasi di Indonesia telah membangun satu bentuk “Mazhab Nasional” dalam erti “Mazhab” sebagai pengertian yang sebenar bersandar kepada al-Qur’an dan Sunnah dan “Nasional” yakni Indonesia, dengan maksud agar hukum Islam di Indonesia menjadi “praktis” dan dijalankan oleh umatnya. Hazairin berpendapat bahawa pada hakikatnya, sistem pewarisan yang terkandung dalam al-Qur’an adalah merupakan implikasi daripada sistem pewarisan yang bercorak *bilateral*. Landasan yang menguatkan pendapatnya adalah: *Pertama*, surah al-Nisa ayat 22, 23 dan 24. *Kedua*, surah al-Nisa ayat 11 yang menjadikan bahawa semua, sama ada lelaki mahupun perempuan menjadi ahli waris bagi orang tuanya. *Ketiga*, surah al-Nisa ayat 12 dan 176 menjadikan saudara bagi semua jenis saudara (lelaki mahupun perempuan) sebagai ahli waris. Hazairin juga telah memberi penafsiran baru terhadap Surah al-Nisa (4) ayat 33. Hazairin mengertikan *Mawālī* dalam ayat itu dengan “pengganti ahli waris”.

Pada tarikh 10 Jun 1991 berdasarkan Instruksi Presiden (Inpres) No1 Tahun 1991, KHI dikukuhkan sebagai panduan rasmi dalam bidang hukum material bagi hakim di lingkungan Peradilan Agama. KHI merupakan respon pemerintah terhadap timbulnya pelbagai keresahan di masyarakat akibat berbeza-bezanya keputusan Pengadilan Agama untuk satu kes yang sama. Perbezaan itu sendiri merupakan konsekuensi logik daripada berbezanya sumber pengambilan hukum, berupa kitab-kitab fiqh yang dipakai oleh para hakim dalam memutuskan suatu perkara.

Selain daripada itu, muncul pula pendirian kaum Liberal terhadap hukum pusaka. Mereka memiliki misi dan visi pluralisme, demokrasi, hak asasi manusia, dan kesetaraan

gender. Di antara gagasan-gagasan tentang pusaka yang dilontarkan kaum liberal: Pertama, masalah bahagian pusaka untuk anak lelaki dan anak perempuan 1:1. Kedua, memberikan hak pusaka untuk ahli waris yang berbeza agama. Yang ketiga, agar anak hasil zina turut mendapat hak pewarisan.

KUHP adalah produk manusia yang lahir pada abad XI di Rom. Kemudian dikembangkan oleh Napoleon dari Perancis yang sempat membawa para ilmuwan belajar *faraid* di Mesir pada abad pertengahan (abad XV dan abad XVI). Kemudian dibawa ke Jerman dan Belanda yang terkenal dengan sebutan *Code Napolion*, *Code Civil*, dan seterusnya *Burgerlijk Wetboek* di Belanda, yang berdasarkan asas *konkordans* pada abad XX diberlakukan juga di Indonesia. Hukum pusaka diatur dalam buku kedua.

Di antara perbezaan KUHP dengan hukum pusaka adat dan hukum pusaka Islam, adalah harta pusaka mengikut hukum adat dan hukum Islam yang dapat berpindah pada hakikatnya hanya kekayaan setelah digunakan untuk membayar hutang dan segala keperluan si mati. Berbeza dengan KUHP yang berpindah pada hakikatnya semua harta pusaka yang meliputi juga segala hutang orang yang meninggal dunia.